



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 16 MEI 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **73 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak **5,512 kes** (80.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 15 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **17 kes**, baharu yang telah dilaporkan. Oleh itu, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,872 kes** dan jumlah **kes aktif** dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah **1,247 kes**. Ingin dimaklumkan daripada 17 kes baru yang dilaporkan, enam (6) adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara, manakala sebelas (11) kes adalah penularan tempatan yang melibatkan lima (5) bukan warganegara Malaysia.

Sehingga kini, terdapat **13 kes** positif COVID-19 yang **sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, lima (5) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan

bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **113** kes (1.64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-113 (kes ke-6856) merupakan wanita warganegara Malaysia berumur 53 tahun. Beliau mempunyai sejarah penyakit barah dan darah tinggi. Beliau adalah merupakan seorang kakitangan perubatan KKM di Sabah (namun telah bercuti sakit disebabkan barah). Beliau telah dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah, Likas pada 5 Mei 2020 disebabkan kesihatan beliau yang semakin merosot. Beliau didapati positif COVID-19 dan disahkan meninggal dunia pada 7 Mei 2020 jam 1.30 petang.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

## **KES POSITIF COVID-19 DI KALANGAN KANAK-KANAK DAN BAYI DI MALAYSIA**

KKM ingin memaklumkan bahawa selain daripada warga emas, kumpulan kanak-kanak dan bayi adalah juga merupakan kumpulan berisiko tinggi untuk dijangkiti COVID-19. Kanak-kanak dan bayi perlu dilindungi agar mereka tidak mudah terdedah dan dijangkiti COVID-19.

Sehingga 16 Mei 2020, terdapat 317 kes positif COVID-19 di kalangan kanak-kanak 12 tahun ke bawah. Daripada jumlah tersebut, 112 kes (35 peratus) adalah di kalangan kanak-kanak berumur (4) tahun dan ke bawah, dan 22 kes (7 peratus) di kalangan bayi kurang daripada 1 tahun. Setakat ini. Tiada kes kematian positif COVID-19 telah dicatatkan di kalangan kanak-kanak bawah 12 tahun.

Negeri Selangor telah mencatatkan bilangan kes positif COVID-19 yang tertinggi di kalangan kanak-kanak bawah 12 tahun iaitu 77 kes, diikuti oleh Negeri Sembilan (48 kes), Johor (46 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (28 kes), dan Sabah (26 kes).

UMUR (tahun)	<1	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	JUMLAH
Johor	7	1	4	-	4	1	3	1	5	6	4	5	5	46
Kedah	0	1	-	1	1	-	-	1	-	-	-	-	1	5
Kelantan	1	2	1	1	1	-	1	1	1	2	-	1	-	12
Melaka	1	-	-	-	-	-	-	-	1	1	1	3	2	9
Negeri Sembilan	2	2	2	2	5	4	3	2	3	6	3	6	8	48
Pahang	0	1	-	2	-	-	1	-	2	2	2	3	1	14
Perak	4	1	-	-	1	1	2	-	1	-	-	-	-	10
Perlis	0	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-	1
Pulau Pinang	1	-	1	1	-	-	1	1	-	1	1	1	2	10
Sabah	0	1	4	3	3	1	1	1	-	2	1	2	7	26
Sarawak	1	2	1	2	4	-	2	3	-	-	2	3	3	23
Selangor	4	11	5	7	3	6	2	7	4	7	7	6	8	77
Terengganu	0	-	1	-	1	-	-	2	-	1	2	-	-	7
WP Labuan	0	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1
WPKL & Putrajaya	1	2	3	2	1	4	1	4	3	2	3	2	-	28
<b>JUMLAH</b>	<b>22</b>	<b>24</b>	<b>22</b>	<b>21</b>	<b>24</b>	<b>17</b>	<b>17</b>	<b>23</b>	<b>20</b>	<b>31</b>	<b>26</b>	<b>33</b>	<b>37</b>	<b>317</b>

Jadual 1: Taburan Kes Positif COVID-19 di Kalangan Kanak-kanak dan Bayi di Malaysia

Kanak-kanak dan bayi memerlukan ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga yang lebih tua untuk melindungi kanak-kanak dan bayi daripada bahaya jangkitan COVID-19. Ibu bapa dan penjaga perlu memberi didikan kepada kanak-kanak agar mereka dapat mengamalkan tahap kebersihan yang tinggi, sentiasa mencuci tangan dengan air dan sabun, dan sangat digalakkan memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*) di kawasan umum (terutamanya kawasan yang sesak).

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM menyeru ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga yang lebih tua untuk menjalankan tanggungjawab untuk melindungi mereka setiap masa agar tidak terdedah kepada virus yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar ini.

Masyarakat umum juga disarankan untuk sama-sama membantu dalam melindungi kanak-kanak dan bayi, dengan mengelak daripada berada dalam jarak kurang daripada 1 meter dari mereka (iaitu dengan mengamalkan jarak sosial yang selamat).

Orang ramai juga diingatkan supaya turut patuh kepada 3C dan 3W seperti disarankan oleh KKM:

- Elakkan 3C: iaitu elakkan kawasan yang sesak (***Crowded place***), elakkan kawasan yang sempit (***Confined space***), dan elak bertutur dengan jarak yang dekat (***Close conversation***).
- Amalkan 3W: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (***face mask***) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi;
  - Duduk di rumah dan hanya keluar sekiranya ada urusan penting sahaja;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

16 Mei 2020 @ 4.30 petang

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 16 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	95
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	255
<b>SELANGOR</b>	1 (1)	1,628
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	0	776
<b>MELAKA</b>	0	215
<b>JOHOR</b>	0	668
<b>PAHANG</b>	7 (4)	335
<b>TERENGGANU</b>	0	110
<b>KELANTAN</b>	0	155
<b>SABAH</b>	1	331
<b>SARAWAK</b>	0	544
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	7	1,515
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	1 (1)	90
<b>W.P. LABUAN</b>	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>17 (6)</b>	<b>6,872</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import